



TUAN NUR ALIYA ADRIANA TUAN AZMAN,
SMK SERI PAKA, DUNGUN, TERENGGANU.

SEMANGAT PATRIOTIK MENYATUKAN KITA

Apabila mendengar perkataan “patriotik” dan “patriotisme”, apakah yang kita fahami dengan perkataan ini? Perkataan ini mungkin bermaksud sesuatu yang menyemarakkan rasa penghargaan terhadap negara. Atau mungkin perkataan ini juga membuat kita berfikir tentang hak kebebasan yang diperoleh apabila menjadi sebahagian daripada warga Malaysia. Walau apa-apa pun maksud perkataan ini, kemungkinan besar inilah juga sentimen yang dikongsi dengan semua rakyat Malaysia. Oleh itu, mengapakah semangat patriotik itu penting?

Pertama, nilai patriotisme ialah konsep yang menyatukan kita. Kita membina sentimen rasa perpaduan dan cinta akan negara. Perasaan yang sama dan matlamat bersama untuk melakukan yang terbaik untuk negara, serta memberikan sokongan sepanjang masa kepada negara.

Semangat patriotik dan nilai patriotisme merupakan asas utama yang akan menjadikan negara lebih kuat dan maju. Kita bukan sahaja dapat berkongsi perasaan dengan orang lain melalui rasa sayang terhadap negara, bahkan semakin banyak individu yang menyatakan rasa patriotik mereka, semakin kuat dan teguh negara kita secara keseluruhannya.

Di samping itu, nilai patriotisme yang menjadi sebahagian daripada nilai murni, sekiranya dapat dijiwai dan diamalkan sebaik mungkin akan dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia. Oleh itu, sangatlah wajar bagi generasi

muda khususnya menjadikan nilai patriotisme sebagai amalan atau pegangan, serta menyemainya dalam jiwa segenap lapisan masyarakat Malaysia demi kelangsungan negara dalam menghadapi era pascamodenisme.

Tanpa kita sedar, patriotisme memainkan peranan yang sangat penting dalam diri setiap rakyat Malaysia bagi mengekalkan kemerdekaan yang telah dicapai selama ini. Antara signifikannya, patriotisme membina nilai persefahaman dan penyatuan antara kaum, yang menjadi pemacu kepada kemajuan negara, serta satu pelaburan strategik ke arah keselamatan negara.

Demi mencapai persefahaman antara kaum, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan. Mungkin kita tidak menyedari bahawa kebanyakan tema kemerdekaan berkaitan dengan perpaduan rakyat. Antaranya termasuklah muhibah dan perpaduan, bersatu maju, kebudayaan sendi perpaduan, nasionalisme teras perpaduan dan lain-lain lagi. Hasilnya, kita dapat melihat betapa pentingnya perpaduan sebagai “pengikat” dalam kalangan rakyat Malaysia yang majmuk.

Sebagai kesimpulannya, apabila kita mempunyai rasa patriotik, maka kita akan menjadi warganegara yang berdedikasi. Kita memperlihatkan ketabahan untuk mencapai matlamat demi kepentingan negara. Sama ada kita mengibarkan bendera Malaysia, berterima kasih kepada pasukan keselamatan negara atas perkhidmatan mereka, atau menjadi sukarelawan, kita menggunakan kekuatan dan ketabahan dengan melakukan perkara yang betul untuk kepentingan negara kita. ds